

**Janji Mahathir**

**Malaysiakini**

**7 November 2018**

**Hasmi Hashim**

ULASAN | Dia satu-satunya tokoh yang mempunyai kesempatan memegang jawatan perdana menteri dua kali. Saya tak fikir dalam tempoh 50 tahun, bahkan sedekad ke depan pun, Malaysia akan dapat melihat 'drama' sama berulang.

Dia adalah Dr Mahathir Mohamad. Seorang yang dibenci, sekali gus dikagumi senyap-senyap oleh musuh-musuhnya.

Tentu ramai masih ingat, reaksi awal Anwar Ibrahim ketika cadangan agar Mahathir mengepalai gabungan pembangkang, Anwar marah-marah. Di mahkamah ketika itu, dikawal ketat pegawai penjara, dari celah-celah ruang untuk berbicara yang terbatas dan sempit, dia cuba juga melontar suara meminta agar tumpuan diberikan kepada persoalan utama rakyat seperti tekanan sara hidup, rasuah dan salah urus. Bukan kerjasama dengan Mahathir. Bukan!

Reaksi itu menunjukkan betapa tak sukanya Anwar dengan cadangan menerima Mahathir. Tentu kita boleh faham mengapa. Kebetulan saya beberapa kali menuliskan agar difikirkan kembali supaya Mahathir diterima sebagai

sebahagian daripada barisan pemimpin yang bergabung dengan pembangkang sedia ada.

Kalau tidak bersama pembangkang, Mahathir hendak ke mana lagi? Dia telah meninggalkan Umno. Dalam keadaan tiada pilihan, apa sahaja maki hamun dan herdikan waima secara depan-depan, Mahathir telan.

Hari ini, siapakah yang beruntung dan paling mendapat manfaat langsung daripada idea dan cadangan untuk menerima Mahathir? Bukan kami beberapa orang penulis 'picisan' ini—sementara apa yang saya fikir dan lakukan tiada lain hanya demi kebaikan perjuangan, parti serta gabungan pembangkang yang mulai berserakan.

Ketika kali pertama melontarkannya, ramai juga yang tidak menyukainya. Ada juga yang kini dikhabarkan berada dalam posisi kerajaan baharu.

Saya senang melihat akhirnya Dr Wan Azizah Ismail kembali bertepuk bertampar dengan Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Lebih menggembirakan apabila gabungan pembangkang yang kemudiannya dikenali sebagai Pakatan Harapan menang.

Anwar pula bukan sahaja bebas, malah mendapat pengampunan penuh untuk membolehkan dia kembali aktif dalam politik tanpa apa-apa halangan. Tidakkah itu semua sebuah rahmat?

Anwar kini selalulah dapat kita lihat duduk dengan wajah senyum di sisi mantan bosnya. Mungkin dia sendiri sudah terlupa bagaimana di saat dia kelihatan naik angin, marah-marah dan tak senang dengan cadangan untuk menerima Mahathir satu masa dulu telah cepatnya terbang seperti mimpi sahaja. 'Mimpi' itu tidak terlalu lama dahulu. Kurang tiga tahun, dan seperti baru malam tadi rasanya.

Politik memang begitu. Niat baik selalu sampai lewat. Itu tidak penting.

Salakan wakil rakyat

Apa yang penting, ketika beberapa orang yang mahu menerima Mahathir, saya yakin tidak semua mempunyai niat durjana untuk menghancurkan PKR mahupun pakatan pembangkang. Jauh sekali untuk meninggalkan Anwar "dalam sel yang gelap" seperti sepotong puisi WS Rendra (bawah), "Paman Dobleng."

Paman Dobleng! Paman Dobleng!

Mereka masukkan kamu ke dalam sel yang gelap.

Tanpa lampu. Tanpa lubang cahaya. Pengap.

Ada hawa. Tak ada angkasa.

Terkucil. Temanmu beratus-ratus nyamuk semata.

Terkunci. Tak tahu di mana berada.

Anwar sedang menunggu gilirannya. Salakan segelintir wakil rakyat—juga dari parti Anwar sendiri, PKR—yang menyerang Mahathir secara keterlaluan adalah tidak matang. Tingkah laku mereka, kalau pun bukan dilihat didalangi oleh Anwar, namun boleh menimbulkan persepsi begitu.

Bukan bererti Dr Mahathir selalu benar seratus peratus, tapi cara teguran dan kritikan segelintir wakil rakyat PKR sangat kasar sehingga lupus rasa malu, merendahkan darjat sendiri serta jauh daripada sifat seorang ahli parlimen yang sepatutnya sebagai manusia budiman. Bukan orang kasar. Wakil rakyat Umno yang paling selalu dikecam juga tidak sampai beradab serendah itu.

Mahathir cuma ada satu peluang terakhir untuk menebus sejarah—dengan melantik Anwar sebagai penggantinya. Sama ada di New York, di London sampailah ke Petaling Jaya, dia masih mengulangi betapa dia berpegang kepada janji.

Sekali pun ada cadangan dari setiausaha politiknya yang juga ketua BERSATU Titiwangsa agar Mahathir memegang jawatan satu penggal penuh sebagai usaha melambatkan peralihan, sekali lagi katanya tidak. Anwar di sebelah ketika Mahathir mengulangi janji itu.

“Kalau dia izinkan,” sambil menunjuk kepada Anwar lebih kurang begitu katanya, “saya mungkin boleh jadi PM dua tahun setengah.” Dia pun ketawa. Anwar juga

ketawa. Kita semua ketawa.

Masa berlalu. Diam tak diam, sekarang sudah hampir enam bulan kerajaan baharu. Maksudnya sudah enam bulan juga Mahathir menjadi PM.

Setahun setengah lagi bukanlah lama sangat. Sepanjang waktu itu, Anwar tentu punya masa yang cukup selesa untuk membuat “kerja rumah”, terutama menyentuh soal-soal reformasi polisi dan struktural yang akan dilaksanakan apabila menjadi orang nombor satu nanti.

Sementara kuasa bukan kesempatan untuk membalas dendam. Kerja orang politik bukan sekadar menghempas fail, menentukan segala-gala atau menghukum. Kalau pun ada ‘hukuman’, berpada-padalalah.

Bukan untuk memaafkan

Risiko besar tiga tahun dulu bukanlah untuk memaafkan dan menerima Mahathir, tetapi untuk mencadangkan agar Mahathir dimaafkan dan diterima. Pemimpin tidak selalunya betul. Firasatnya tidak selalu jernih.

Sama ada Mahathir satu masa dahulu mirip seorang diktator atau tidak, biar masa yang menentukan. Seperti katanya sendiri di Amerika Syarikat baru-baru ini, dia tidak perlu mengukur pencapaian sendiri.

Sampailah Mahathir bilang, dia sepatutnya sudah mati. Maha suci Tuhan kerana dia belum mati, selain mencipta sejarah sebagai satu-satu tokoh yang memegang jawatan PM dua kali. Mahathir pasti akan lebih dikenang sekiranya dia berpegang kepada janji untuk menyerahkan jawatan kepada Anwar.

Di sana nanti, Mahathir akan 'hidup' selamanya. Bukan sekadar sebagai PM dan PM sekali lagi, tapi sebagai manusia yang benar; yang berpegang kepada kata-kata sendiri. Pemimpin yang hebat, perlu diganti dengan yang hebat juga.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/450841>